



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN KELANTAN

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RAJA SULAIMAN BIN RAJA HASSAN
KETURUNAN PUTERI SAADONG**

OLEH:

AHMAD FAKHRULLAH BIN ADLI

2014533433

NURUL SYAIEDATUL AQMAL MOHD ZAKI

2014785941

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK RAJA SULAIMAN BIN RAJA HASSAN
KETURUNAN PUTERI SAADONG**

OLEH:

AHMAD FAKHRULLAH BIN ADLI	2014533433
NURUL SYAIEDATUL AQMAL MOHD ZAKI	2014785941

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2016 – JULAI 2016)**

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualikum wbt. Alhamdulillah terlebih dahulu kami panjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izinnya, kami akhirnya dapat melengkapkan projek sejarah lisan ini dengan jayanya. Kami tidak dapat menafikan bahawa sebagai kekangan dan halangan yang kami hadapi sebelum dan selepas selesai sesi temubual bersama tokoh, namun dengan berkat kesabaran dan pertolongan-Nya, kami dapat mengatasi masalah yang berlaku.

Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kami untuk subjek IMR604 – Oral Documentation (pendokumentasian lisan), Puan Nor Kamariah Bte Chik yang telah mencurahkan segala ilmu yang beliau miliki kepada kami dan memberi segala tunjuk ajar untuk menyiapkan projek ini.

Tidak lupa juga kepada Encik Raja Sulaiman Bin Raja Hassan, tokoh yang kami telah pilih dan hormati, setinggi-tinggi ucapan terima kasih kami ucapkan kerana kerjasama dan perkongsian ilmu yang sangat bermakna buat kami. Tokoh telah banyak membantu kami dengan memberi informasi mengenai beliau. Tanpa beliau mungkin dapat menghasilkan transkrip yang begitu lengkap dan bernilai ini.

Akhir sekali, kami ingin mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa serta rakan rakan seperjuangan yang banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan sepanjang proses menghasilkan projek transkrip temubual ini.

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak – *Projek ini mengenai perngorbanan Puteri Saadong kepada kesultanan Raja Jembal. Penceritaan dari Raja Sulaiman ini boleh dipercayai kerana beliau saudara kepada Puteri Saadong dan juga beliau dari keturunan atau dikenali sebagai kerabat- kerabat dibawah satu kesultanan iaitu Kesultanan Raja Jembal. Transkrip ini juga menerangkan tentang perjalanan hidup Puteri Saadong yang merangkumi latar belakang ayahanda baginda iaitu Raja Loyor. Selain itu, terdapat juga maklumat mengenai suami Puteri Saadong iaitu Raja Abdullah melalui temubual daripada Raja Sulaiman. Ia juga menerangkan tentang perjanjian antara Puteri Saadong dengan Raja Ayutia iaitu raja siam yang ingin memperisterikan Puteri Saadong kerana kecantikkan Puteri Saadong telah memukaunya walaupun baginda Raja Ayutia tidak pernah berjumpa dengan Puteri Saadong. Raja Ayutia mengetahui tentang kecantikkan Puteri Saadong melalui cerita- cerita daripada pengembara pedagang-pedagang yang telah berjumpa dengan Puteri Saadong. Seterusnya, Raja Sulaiman menceritakan tentang Puteri Saadong membawa diri setelah mengetahui akan kecurangan suaminya, Raja Abdullah semasa baginda berada di Siam, Thailand. Raja Sulaiman juga menceritakan tentang keistimewaan Puteri Saadong dan ibu angkatnya, Che Siti Wan Kembang kerana berjaya menyatukan perpecahan kesultanan bersatu kembali. Dengan itu, menunjukkan bahawa peranan wanita yang sangat penting juga mempunyai pengaruh yang tinggi untuk mengelakkan berlakunya peperangan dibawah satu kesultanan yang sama. Beliau juga menceritakan harapannya untuk mengumpulkan semua kerabat-kerabat Kesultanan Raja Jembal di bawah satu pertubuhan.*

Kata Kunci : *Raja Sulaiman bin Raja Hassan, K.M.N , keturunan Raja Jembal.*

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Abstrak.....	iii
Isi Kandungan.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	ix
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Latar Belakang Puteri Saadong.....	08
Bahagian 3: Perjalanan Hidup Puteri Saadong.....	03
Bahagian 4: Pengorbanan Puteri Saadong.....	04
Bahagian 5: Harapan Tokoh.....	05
Lampiran	
Log Wawancara.....	30
Diari Kajian.....	39
Senarai soalan.....	42
Surat Perjanjian.....	48
Lampiran.....	50
Indeks.....	53

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



1	Nama Penuh	:	Raja Sulaiman bin Raja Hassan
2	Alamat	:	Kubang Kerian, Kelantan
3	Kelahiran	:	Pasir Puteh Kelantan
4	Jantina	:	Lelaki
5	Bangsa	:	Melayu
6	Agama	:	Islam
7	Pendidikan (Rendah, Menengah, Tinggi)	:	Bachelor Of Science (matematik) Sarjana pendidikan dalam bidang Pengurusan Dan Pentadbiran Diploma Kepimpinan Pendidikan dan Sijil Pengajian Matematik
8	Keluarga	:	Isteri- Hajah Samah Binti Ismail Anak- 5 orang
9	Hobi	:	Membaca, menulis, bermain golf dan berbasikal
10	Kerjaya	:	Bersara Guru

PENGENALAN

PENGENALAN

Transkrip temubual bersama Raja Sulaiman Bin Raja Hassan ini telah dijalankan di rumah beliau di Kg. Chicha, Kubang Kerian, Kota Bharu. Temubual yang pertama dijalankan di rumah untuk menetapkan tarikh temubual dan temubual yang kedua dijalankan di rumahnya juga untuk mengetahui keseluruhan cerita Puteri Saadong. Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengumpul maklumat dan mengetahui tentang sejarah salah seorang kerabat diraja yang pernah wujud suatu ketika dahulu di negeri Kelantan, iaitu Puteri Saadong. Temubual ini dijalankan untuk memelihara kisah-kisah sejarah yang telah lama terkubur seperti sejarah Puteri Saadong dan juga sejarah tentang kemangkatan Puteri Saadong.

Transkrip temubual ini mengambil masa selama satu jam dan tiga puluh minit. Temubual ini lebih menumpukan kepada pengorbanan berkenaan Puteri Saadong yang tidak pernah dan mungkin tidak diketahui oleh penduduk di negeri Kelantan sendiri. Selain itu, penumpuan juga adalah berkaitan tentang Kesultanan Raja Jembal. Maklumat yang dikumpulkan adalah berdasarkan sumber penceritaan daripada pihak yang pernah terlibat secara langsung pada zaman pemerintahan Raja Jembal. Walaupun begitu, terdapat beberapa maklumat penting tidak dapat dikumpulkan kerana kebanyakan bahan ataupun bukti yang ada kerana ramai pihak yang ada bahan-bahan itu telah meninggal dunia.

Berlatar belakangkan keadaan pada sekitar tahun 1933, perjalanan hidup Puteri Saadong yang merangkumi latar belakang ayahanda baginda iaitu Raja Loyor. Selain itu, terdapat juga maklumat mengenai suami Puteri Saadong iaitu Raja Abdullah melalui temubual daripada Raja Sulaiman. Ia juga menerangkan tentang perjanjian antara Puteri Saadong dengan Raja Ayutia iaitu raja siam yang ingin memperisterikan Puteri Saadong kerana kecantikan Puteri Saadong telah memukaunya walaupun baginda Raja Ayutia tidak pernah berjumpa dengan Puteri Saadong. Raja Ayutia mengetahui tentang kecantikan Puteri Saadong melalui cerita- cerita daripada pengembara pedagang- pedagang yang telah berjumpa dengan Puteri Saadong. Seterusnya, Raja Sulaiman menceritakan tentang Puteri Saadong membawa diri setelah mengetahui akan kecurangan suaminya, Raja Abdullah semasa baginda berada di Siam, Thailand. Raja Sulaiman juga menceritakan tentang keistimewaan Puteri Saadong dan ibu angkatnya, Che Siti Wan Kembang kerana berjaya menyatukan perpecahan kesultanan bersatu kembali.

Pada zaman itu, Puteri Saadong berangkat dan bersemayam di Bukit Marak. Beberapa bulan kemudian Puteri Saadong mengambil keputusan turun takhta dan baginda melantik Raja Abdul Halim, saudara Raja Abdullah menganti baginda. Raja Abdul Rahim ditabalkan sebagai Sultan Kelantan pada 1671 dengan gelaran Sultan Abdul Halim dan bersemayam di Kota Mahligai. Baginda adalah raja yang kesepuluh dalam salasilah raja-raja pemerintahan Kelantan. Baginda juga adalah raja yang keempat dalam salasilah raja-raja pemerintah Kerajaan Jembal Kelantan yang berpusat di Kota Mahligai (Pertubuhan Kerabat Raja Jembal Kelantan, 2005). Kota Mahligai tidak lagi aman dalam era pemerintahan Sultan Abdul Rahim. Berbagai bentuk kezaliman yang berlaku menyebabkan rakyat mengadap dan mengadu kepada Puteri Saadong di Bukit Marak. Keadaan ini mengganggu kelapangan dan ketenteraman Puteri Saadong. Baginda Puteri Saadong mengambil keputusan berpindah dari Bukit Marak ke Gunung Ayam untuk bersama-sama bonda angkatnya, Paduka Che Siti Wan Kembang.

TRANSKRIP

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisahkan tentang Encik Raja Sulaiman bin Raja Hassan iaitu pewaris kepada Puteri Saadong yang telah banyak menyumbangkan sejarah di negeri Kelantan. Wawancara ini dijalankan di rumah beliau di Kubang Kerian Kelantan. Sesi wawancara bersama Encik Raja Sulaiman bin Raja Hassan ini telah diadakan pada 6 April 2016 pada pukul 3.00 petang hingga 4.55 petang. Temu bual ini berkisahkan tentang Pengorbanan Puteri Saadong yang beliau tahu.

Petunjuk:

RS: Raja Sulaiman
AF: Ahmad Fakhrullah
NSA: Nurul Syaiedatul Aqmal

PEMBUKAAN.

Assalamualaikum, pada hari ini bersamaan dengan 6 haribulan April dua ribu enam belas [2016], hari rabu, saya AHMAD FAKHRULLAH ADLI bersama kawan saya NURUL SYAIEDATUL AQMAL MOHD ZAKI akan menemubual Encik RAJA SULAIMAN tentang cerita atau kisah-kisah Puter Saadong yang pernah menjadi tokoh bangsa melayu pada suatu ketika dahulu. Temubual ini bertujuan untuk kita berkongsi cerita tentang apa yang pernah berlaku mengenai perihal-perihal Puteri Saadong pada masa dahulu dan tujuan temubual ini juga adalah untuk menyiapkan projek kami bagi subjek pendokumentasi.

AF : **Apakah nama sebenar Raja Sulaiman?**

RS: Assalammualaikumwarahmatullahhiwabarakatu,--Nama saya Raja Sulaiman bin Raja Hassan

AF : **Berapakah umur Encik?**

RS : Umur enam dua [62] tahun

AF : **Dimanakah tempat kelahiran Encik?**

RS : --Dilahirkan di Pasir Puteh Kelantan

AF : **Apakah hobi Encik?**

RS: Hobi saya membaca, menulis, *main* [bermain] golf dan *kayuh*[mengayuh] basikal *jelah*[sahaja]

AF: **Apakah hubungn Encik dgn Puteri Saadong?**

RS: Dalam *silah-silahnya*[asal usul] keturunannya saya *ni*[ini] adalah salah seorang daripada (bunyi telefon) keturunan Raja Sakti dan Puteri Saadong

juga adalah daripada keturunan Raja Sakti, kami daripada *akar*[saluran] yang sama lah daripada Raja Sakti iaitu pemerintah kesultanan jembal suatu ketika *dulu*[dahulu].

AF: Siapakah nama ayah Encik Raja?

RS: *Ayahmanda*[bapa] namanya Raja Hassan Bin Raja Omar.

AF: Siapakah nama Ibu Encik?

RS: *Bondanya*[ibu] Nik Azizah Bin Nik Soh.

AF: Adakah kedua-dua ibu bapa Encik dari keturunan Raja Jembal?

RS: Sama, kedua-duanya dari keturunan yang sama.

AF: Apakah pekerjaan Encik?

RS: Pekerjaannya bermula sebagai guru pada tahun satu Sembilan tujuh sembilan [1979] *kot*[tidak pasti] *tak*[tidak] silap saya lah kemudian pada tahun dua kosong kosong tiga[2003] saya menerima jawatan sebagai Ketua Jabatan

Matematik di Kolej Matrikulasi Pahang di Gambang dan dua kosong kosong tujuh[2007] berpindah ke Kolej Matrikulasi Kedah di Changlun sebagai Timbalan Pengarah Kolej dan pada tahun yang sama dua kosong kosong tujuh[2007] juga dilantik Sebagai Pengarah Kolej Matrikulasi Kedah di Changlun sehingga lah pencen pada tahun dua kosong satu dua[2012] .

AF: Boleh Encik cerita serba sedikit tentang pendidikan Encik?

RS: Kalau diikutkan ijazah pertama saya dalam *Bachelor Of Science*[ijazah sains] dalam bidang matematik satu Sembilan tujuh sembilan[1979] kemudian sarjana pendidikan dalam bidang Pengurusan Dan Pentadbiran pada tahun satu sembilan sembilan sembilan[1999] (bunyi telephone) dan *adalah*[mempunyai] juga Diploma Kepimpinan Pendidikan dan Sijil Pengajian Matematik daripada beberapa institusi tempatan dan antarabangsa.

AF: Dimanakah tempat Encik membesar?

RS: Saya membesar di Pasir Puteh, Kelantan berpindah di Kubang Kerian setelah bekerja.

AF: Berapakah bilangan adik beradik Encik?

RS: Ramai, asal nya sebelas[11] adik beradik,saya yg sulung dah[sudah] meninggal dua[2] jadi tinggal Sembilan[9] lah yea[ya].

AF: **Siapakah nama isteri Encik?**

RS: Hajah Samah Binti Ismail.

AF: **Adakah isteri Encik berketurunan raja?**

RS: Tak[tidak],dia dari Johor.

AF: **Encik mempunyai berapa orang anak?**

RS: Lima[5] orang anak tiga[3] laki[lelaki] dua[2] perempuan.

AF: **Kesemuanya sudah berkahwin?**

RS: Yang sudah berkahwin cuma dua[2] yg pertama tu[itu] kemudian tiga[3] lagi tu[itu] belum lah.

AF: **Adakah anak-anak Encik berkahwin dengan kerabat raja?**

RS: Satunya[salah seorang] orang biasa dan satu lagi keturunan Raja Jembal jugak[juga] lah.

AF: **Adakah Encik pernah bersemuka dengan Puteri Saadong?**

RS: *Tak*[tidak] pernah.

AF: **Adakah Encik pernah pergi melawat tempat peninggalan Puteri Saadong?**

RS: *ha*[iya] yang saya *dah*[sudah] pergi melawatnya Bukit Marak dan kita *dah*[sudah] naik tengok tempat *tu*[itu] kemudian di Kota Jembal tu, Sungai Pangkalan Datu kan tempat *Baginda*[Puteri Saadong] membesar dan disana *pun*[juga] masih ada katanyan ikut cerita orang-orang tua disana masih ada lagi perigi.

AF: **Adakah Encik mempunyai bahan-bahan untuk rujukan?**

RS: Bahannya *tak*[tidak] banyak yang *ade*[ada] cuma dokumen-dokumen manuskrip yang saya cuba cari lah dan yang terakhir saya cuba dapatkan

manuskrip di Perpustakaan Negara di *KL*[Kuala Lumpur] adalah benda *tu*[itu] *tapi*[tetapi] belum dapat proses nak dapatkan dokumen *tu*[itu].

NSA: **Assalamualaikum saya Nurul Syaiedatul Aqmal, hari ini saya akan menemuramah Raja Sulaiman iaitu keturunan Puteri Saadong untuk mengetahui latar belakang Puteri Saadong. Apakah nama Puteri Saadong yang sebenar?**

RS: Nama baginda ialah Puteri Wijalamaya.

NSA : **Adakah Puteri Saadong mempunyai nama pena?**

RS : Nama gelarannya ialah Puteri Saadong itu sendiri dan baginda ini ialah

Apa nama [iaitu] nama yang ketiga, sebelum baginda dah ada[sudah ada] dua nama, juga Puteri Saadong dan mengikut cerita orang lama-lama lah[juga] Puteri Saadong itu merujuk kepada kecantikan.

NSA : **Adakah encik tahu bilakah tarikh kelahiran Puteri Saadong?**

RS : Itu *tak*[tidak] tahu.

NSA : Apakah keturunan ibubapa Puteri Saadong?

RS : Bapanya Raja Loyor ataupun Sultan Hajiluddin.

NSA : Adakah dia di bawah keturunan Raja Jembal?

RS : Ya.

NSA : Ibu angkat Puteri Saadong?

RS : Ibu angkatnya ialah Cik Siti Wan Kembang, iaitu pada masa itu beliau memerintah hulu Kelantan, dan bersemayam di Gunung Citrawangsa, di dekat dengan ke hulu lagi daripada Kuala Krai. Atas lagi, sekarang ini gunung itu masih ada.

NSA : Adakah encik pernah pergi?

RS : *Tak*[tidak]. Saya belum sampai lagi.

NSA : Tempat kelahiran Puteri Saadong?

RS : Baginda di lahirkan di Kota Jembal.

NSA : Adakah Puteri Saadong membesar di Kota Jembal?

RS : Ya, baginda dibesarkan di Kota Jembal, oleh ibu bapanya lah.

NSA : Semasa dia sedang membesar, adakah dia menetap di Kota Jembal ataupun dia duduk di lain[tinggal di tempat lain]?

Nada mesej masuk

RS : Dia. Apabila dia di ambil sebagai anak angkat oleh Cik Siti Wan Kembang. Baginda, Puteri Saadong *dibawak*[bawa] apa kata orang [orang panggil] bersemayam di Gunung Citrawangsa dan ada masanya balik ke Kota Jembal, macam *gitulah*[macam itu lah]. Dia di antara dua[2] tempat.

NSA : Berapakah bilangan adik beradik Puteri Saadong?

RS : Yang tahu sehingga hari ini, Cuma seorang[1] lagi adik *laki-laki*[lelaki] dia.

NSA : Masih ada?

RS : Juga nama Raja Sakti. Tapi Baginda meninggal semasa kecil lagi. Itu mengikut ceritanya lah.

NSA : Puteri Saadong ni anak yang ke berape?

RS : Tak[tidak] pasti. Sama ada adik ataupun kakak.

NSA : Adakah Puteri Saadong sudah berkahwin?

RS : --Aaaaa. [berfikir]. Baginda dikahwinkan oleh [apa nama] ayahandanya

Raja Loyor dengan mak angkatnya itu Cik Siti Wan Kembang. Apabila apa kata orang[orang panggil] apabila Raja Siam pada masa itu atau Raja Ayutia berhasrat untuk memperisterikan bagindalah. Apabila maharaja Siam mendapat tahu berita tentang kecantikkan nya itu. Jadi.

AF : Dikahwinkanlah.

RS : Ya, dia berhasrat untuk jadikan Puteri Saadong sebagai isteri Raja Siam. Jadi untuk mengelakkan daripada keadaan itu. Baginda Puteri Saadong dikahwinkan dengan sepupu baginda Raja Abdullah.

NSA : Suami Puteri Saadong adakah berketurunan raja?

RS : Ya, keturunan Raja Jembal. Sepupunya *je[sahaya]*. Sepupu dia.

NSA : Apakah pekerjaan suami Puteri Saadong?

RS : Pada masa itu dia, setakat yang tahu dia memang bukan sebagai pemerintah apa semualah.

AF : Dia *tak*[tidak] memerintahlah.

RS : Ya, yang memerintah semasa itu ialah Raja Loyor.

NSA : Adakah Puteri Saadong mempunyai cucu,cicit atau seterusnya?

RS : Setakat yang saya tahu, daripada cerita orang-orang tua dan juga buku yang dicari, baginda tidak meninggalkan zuriat. Itu yang saya tahulah.

NSA : Apakah minat Puteri Saadong?

RS : Kalau itu cerita ni, dia adalah diaaa, apa nama[orang panggil] kijang

yang dihadiahkan oleh mak angkatnya, Cik Siti Wan Kembang. Kijang itu yang menjadi lambang negeri Kelantan sekarang inilah.

AF : Yang dekat bendera Kelantan itu.

RS : Ya.

NSA : Dia pelihara kijang itu?

RS : A'a.[ya] kijang itu yang menjadi lambang negeri Kelantan sekarang ini.

NSA : Semasa Puteri Saadong berada di Bukit Marak, apakah bahan yang diberi pinjam untuk orang kampung?

RS : Ok. Apabila dia *gini*[macam ini] apabila Siam dapat tahu apa nama[orang panggil] dapat tahu kata Puteri Saadong telah berkahwin, jadi apabila sudah berkahwin, baginda suami isteri berpindah ke Kota Tegayung dan Kota Jelasin.

NSA : Dimana *tu*[itu]?

RS : --Di...Tegayung *ni*[ini] di tepi Sungai Kelantan dan dekat dengan kawasan

apa itu, Kota Tanah Serendah Sekebun Bunga. Dan Kota Jelasin *tu*[itu] dekat dengan pasar Wakaf Che Yeh tu. Tapak istana dulu itu.

AF : **Dekat dengan Wakaf Che Yeh.**

RS : Dekat dengan kampung Kota, kampung Kota orang panggil istana tu. Dia berpindah ke situlah. Dia bersemayam disitu.

NSA : **Dia bersemayam disitu?**

RS : Ya, bersemayam disitu. Jadi apabila, apa *dia*[apa] soalan tadi?

NSA : **Bahan pinjaman.**

RS : *A'a*.[Ya] Apabila baginda pergi dalam peperangan itu, baginda, apa, kerajaan, Raja Abdullah bersama dengan rakyatnya kalah. Jadi untuk mengelakkan ramai rakyat yang terbunuh, baginda pergi ke ikut Raja Ayutia. Dan bila balik itulah, dia dapat tahu suaminya kahwin lain, dia pergi bersemayam di Kota apa, di Bukit Marak. Dan di antara bahan-bahan yang dipinjamkan kepada masyarakat itu, banyak kepada alat-

alat dapur ini, pinggang mangkuk apa semua, bahan-bahan dia banyak
la.

**NSA : Adakah sebab Puteri Saadong membawa diri itu sebab dia
mengetahui suaminya berkahwin lain ke sebab apa?**

RS : Betul. Dan dia serah takhta itu kepada ipar dia iaitu adik beradik
kepada Raja Abdullah itu, Raja Abdul Rahim.

**NSA : Adakah masih ada tempat-tempat peninggalan Puteri Saadong
yang mana masih boleh dilawati?**

RS : Buat masa ini, setakat yang saya yang ada kesannya Cuma di Bukit
Marak *sajalah*[sahaja]. Kemudian di Kota Jembal itu ad perigi itu,
yang lain.

NSA : Masih ada perigi itu?

RS : Ya, masih ada. Tapi kita semua *nak*[hendak] pergi tak[tidak] berani.
Hehehe Dan yang lain macam Kota Mahligai itu sudah dibina apa
nama *itu*[orang panggil] klinik Mahligai jadi *dah*[sudah] tak[tidak]
ada la.

NSA : Jadi Puteri Saadong, masih ada kaitan dengan Kota Mahligai?

RS : Masih, memang istana dia disitu.

NSA : Istana dia.

RS : Istana dia disitu.

NSA : Kenapa Puteri Saadong mahu mengikuti Raja Siam?

RS : Dia, apabila berlaku peperangan, tentera Siam menyerang Kota
Jelasin tadi di Kota Tegayung tadi.

NSA : Tanah serendah.

RS : Di Tanah Serendah Sekebun Bunga, tentera Siam dah serang dan
peperangan berlarutan lama. Ramai rakyat yang meninggal, jadi
baginda ikut satu ceritanya, satu versi baginda berfikir tidak ada jalan
lain lah untuk menyelamatkan negeri dan juga rakyat daripada ramai
lagi yang terbunuh, kecuali dengan baginda menyerah diri.

AF : Menyerah diri dengan cara--

RS : Mengikuti tentera Siam balik ke Ayutia lah. Itu satu versi lah yang saya

baca dan jumpa cari maknanya perngorbanan seorang raja lah kan, pada masa itu untuk menyelamatkan jadi dia sanggup mengikuti kehendak Raja Siam tadi.

NSA : Semasa Puteri Saadong menetap di Bukit Marak apa aktiviti dia yang dilakukan disana?

RS : *Tak*[tidak] ada. Cuma itu *aje*[saja]. Meminjamkan peralatan dapur itu *aje*[saja] lah. *Ada*[juga] disamping mengikuti perkembangan apa yang berlaku dibawah pemerintahan Raja Abdul Rahim yang baginda serahkan takhta.

Nada isyarat mesej masuk

NSA : Berapakah tempat persinggahan Puteri Saadong?

RS : Tempat persinggahan, tempat persinggahan dia itu maksudnya macam mana? Persinggahan...

NSA : Dia kan hidup berpindah-randah?

RS : A'a.

NSA : Tempat-tempat yang dia menetap *tu*[itu].

RS : Dari Kota Jembal, apabila berkahwin dia berpindah pergi ke kota apa nama[orang panggil] tadi Tanah Serendah Sekebun Bunga, Kota Jelasin, kemudian, apabila berlakunya peperangan, dia hendak mengelakkan lagi ramai rakyatnya mati dan sebagainya. Dia pergi ke Siam ikut Ayutia, kemudian baliknya dia pergi ke Kota Mahligai di Melor, pada masa itu, Raja Abdullah sebagai pemerintah, sebab semasa peninggalan baginda ke Siam, dia serahkan takhta kepada suami dia, Raja Abdullah. Dan disitulah katanya, dapat tahu suaminya kahwin lain dan suaminya meninggal.

AF : Suaminya meninggal?

RS : Dibunuh dan sebagainya lah, katanya lah. Wallah hualam. Betul ke

tidak kita *tak*[tidak] tahu. Kemudian, bila dia tahu begitu dia berpindah pula ke Bukit Marak. Bersemayam di Bukit Marak. Kemudian yang... saya *tak*[tidak] pasti betul ke tidak tapi saya cuba cari *tak*[tidak] jumpa. Ialah mengikut cerita dari orang tua-tua dia berpindah dariidapada situ, apabila dia serahkan pinggang mangkuk yang dipinjam *apo gotu gini tu*[semua benda] , orang *tak*[tidak] kembalikan, masyarakat sekitar *tak*[tidak] kembalikan pula pinggang mangkuk, dan kalau ada yang pecah ke rosak ke...

NSA : **Di bagitahu.**

RS : *Ha*[ya]. Tidak dibagitahu tidak diganti dan baginda tinggal, meninggalkan dan berpindah ke Gunung Ayam.

AF : **Adakah disebabkan baginda merajuk dengan rakyat yang tidak Bagitahu?**

RS : *Ha*[Ya] Boleh *jadi*[Betul]. Ceritanya, setakat yang tahu setakat di Gunung Ayam *je*[sahaja] lah. Dan diyakini baginda meninggal disitu. dan Cuma kata orang *tak*[tidak] ada kesan kubur semualah.

AF : **Dekat Gunung Ayam *je*[sahaja] lah.**

RS : Ha[Ya] Itu satu versi, versi yang kedua daripada Bukit Marak, baginda

dan rombongan. *Tak*[tidak] pastilah bagaimana ikut sungai ke tak[tidak] pasti, katanya ke Sumatera. Ada satu lagi versi.

NSA : Indonesia.

RS : Ha[ya]. Sumatera, pada masa itu dia ke bawah satu alam melayu kepulauan disana, katanya satu versi lagi. Tak[tidak] pasti sama ada betul ke baginda meninggal di sana. Ada dua versi lah sehingga hari ini.

NSA : Jadi, negeri manakah yang menjadi destinasi terakhir Puteri Saadong sebelum baginda bersemayam?

RS : Maksudnye, macam mana tu? Maksudnya..

NSA : Tempat terakhirlah dia menetap.

AF : Gunung Ayam tu.

RS : Ha[ya] mengikut versi yang popular di Gunung Ayam lah, Gunung

Ayam yang dekat dengan ke Jeli nuh[dialek Kelantan], Jeli ke apa nama[orang panggil] ni, Dabong, tak[tidak] jauh ape situ orang panggil, Gunung Stong.

NSA : Ha[ya] Gunung Stong.

RS : Kawasan itu lah.

NSA : Apakah status Puteri Saadong semasa baginda berada di Kota Mahligai?

RS : Pada masa itu, status maksudnya dia...

NSA : Dia sudah berkahwin atau masih bujang.

RS : Ha[ya] dia, memang dia bersuamikan kepada Raja Abdullah ini lah, masa dia balik daripada Siam lah itu.

NSA : Adakah encik tahu bagaimana cara Puteri Saadong menyesuaikan dirinya semasa berpindah-randah?

RS : Tak[tidak] pasti. Pastinya dia bersama-sama dengan dia punya... kalau mengikut cerita ini yang saya tahunya...dia jarang bergerak solo, apabila dia berpindah dari satu tempat ke satu tempat, dia akan

bersama dengan rombongan dia lah, dari dulu bersama dengan satu rombongan, dia dengan yang biasanya lah, yang setakat yang saya tahu, Sultan dijulung kan? Julung kan, dia letak yang duduk atas bahu tu[itu], dan diiringi biasanya, kalau darat, gajah lah pada masa itu. Gajah macam disini pun gajah lah. Atau kalau airnya, dengan satu lagi sungailah. Semua itu je[sahaja] lah yang ada.

AF : Air atau darat lah.

RS : Sama je[sahaja] air atau pun daratnya gajah.

NSA : Kalau air ini ikut ?

RS : Ikut sungailah. Dia naik macam[seperti] tak[tidak] tahu nak[mahu] panggil apa, tongkang ke ape tak[tidak] tahu lah. Itu kebiasaanya lah. Dari dulu pun memang begitu. Bergerak mengikut satu rombongan dan dia dijulung.

AF : Dia tidak bersendirian lah?

RS : Tak[tidak]

NSA : Semasa dia berpindah-randah itu, apakah yang dibawa oleh Puteri Saadong?

RS : Yang pastinya, alat-alat kebesarannya, yang itu tak[tidak] tinggal lah.

NSA : Contohnya?

RS : Contohnya, keris kan, senjata-senjata dan sebagainya ,alatan lambang kebesaran mahkota apa semua[semua benda] itu kan, keris..sampai sekarang ini lah ada orang jumpa apa nama[orang panggil] Allahurabi tempat bekas bakar lilin, apa itu yang dibawanya lah, senjata tu sebagai satu alat kebesarannya, sampai sekarang pun kan sultan agung ada keris itu kan, Ha[ya] macam itu lah lambang kebesaran dengan mahkota.

NSA : Apakah alasan Puteri Saadong kepada suaminya semasa dia ingin membawa diri?

RS : Maksudnya, masa ke..

NSA : Masa dia pulang, selepas dia pulang daripada Siam?

RS : Ha[ya], ok pada masa itu suaminya sudah meninggal.

NSA : **Dah[sudah] meninggal.**

RS : Dah[sudah] meninggal, dia terbunuh di Istana Mahligai itu lah, mengikut satu ceritanya, suaminya terbunuh semasa pertengkaran dengan baginda terkena cucuk sanggul, cucuk sanggul zaman dahulu memang besar dibuat daripada besi. Itu satu versilah, satu versi lagi mengatakan Raja Abdullah meninggal sebab perebutan takhta dengan sepupu dia, sepupu dia itu, Raja Kechik Sulong, itu versi yang kedua lah. Tak[tidak] tahu mana yang betul lah.

NSA : Apakah hubungan Puteri Saadong dengan suaminya selepas Puteri Saadong memenuhi kehendak untuk mengikuti Raja Siam?

RS : Semasa baginda di Ayutia, disana, di Siam itu, apa kata orang... memang, sebelum pergi baginda dah[sudah] janji, ada satu buku mengatakan baginda dah[sudah] janji kena tunggu lah, In shaa Allah baginda akan balik semula, jadi apabila dah lama baginda pergi, suaminya kahwin lain, dengan anak seorang pembesar di Kota Jembal lah pada masa itu.

NSA : Dia masih isteri?

RS : Masih, masih isteri.

NSA : Itu saja[sahaja] untuk perjalanan hidup Puteri Saadong.

AF: Apakah terjadi kepada Puteri Saadong ketika mengikuti raja siam?

RS: Mengikut cerita[kisah] nisan[cerita lama] lah daripada orang tua-tua apabila Baginda dibawa ke sana ,di istana tu Baginda Raja Siam Raja Ayutiya itu mendapat sakit tak[tidak] tahu lah nak panggil ape jenis sakit kulit ke ape wallahu alam lah nama sakit kulit ke ape[apa] gitu dan Raja Siam telah berisytihar lah untuk kata orang tu[itu] berubat itu ini tak[tidak] sembuh-sembuh kan jadi dia dimaklumkan oleh pembesar dia, pembesar Ayutiya itu pembesar raja siam itu bahawa satu je caranya iaitu dgn kata orang mandi air basuhan kaki daripada Puteri Saadong,itu daripada cerita lah ,betul tak betul wallah hualam lah,dalam pada itu baginda(puteri saadong) dapat kita kata mencari helah supaya beliau (bunyi telefon) tidak diapa-apakan oleh raja siam., apabila baginda mengubati raja siam tadi dengan katanya air basuhan kaki itu dan beliau raja siam tadi jajnilah[berjanji] dengan puteri saadong kalau sembuh makna nya beliau lepas[dilepaskan] kan balik[krmbali] ke Kelantan.

AF: Adakah penyakit kulit Raja Siam Berjaya disembuhkan?

RS: Sembuh

AF: Apakah status Puteri Saadong ketika di Pattani?

RS: Dia tak[tidak ada] di Pattani,dia terus ke Ayutiya.

AF: Apakah tindakan suami Puteri Saadong apabila mendapat tahu baginda mengikuti Raja Siam?

RS: Baginda[suami] bersetuju kerana Puteri Saadong mintak[minta] izin.

AF: Bagaimana raja siam datang ke Kelantan?

RS: Dia tak[tidak] datang yang datang hulu baling[orang suruhan] dan tentera nya melalui laut.

AF: Bagaimana Raja Siam melihat kecantikan puteri saadong?

RS: Pada masa itu melalui pengembara perdagangan-pedagang laut.

AF: Apakah sumbangan yang Puteri Saadong telah lakukan selain beliau pergi ke Ayutiya?

RS: Ini tak[tidak] banyak dengar cerita dia,[baginda] dalam konteks[segi] pembangunan ke ape[apa] ,lagipun baginda memerintah pun tak[tidak] lama.

AF: Apakah harapan Encik terhadap cerita lagenda ini?

RS: Harapan saya kalau yang pertama nya ialah untuk jadi[menjadikan] kan dia itu sebagai pengajaran kepada generasi akan datang bahawa untuk membina sebuah bangsa sebuah Negara sebuah masyarakat yang berani sanggup menghadapi cabaran dan sebagainya ia memerlukan pengorbanan dan yang keduanya saya lihat peranan wanita dalam sesebuah Negara kita tak[tidak] boleh pandang remeh sebab kekuatan wanita itu berdasarkan cerita Puteri Saadong bersama ibu angkat Cik Siti Wan Kembang.

AF: Apakah rancangan Encik untuk masa hadapan?

RS: Yang pertamanya melalui, kita dah ade[ada] satu pertubuhan kita panggil pertubuhan kerabat raja jembal Kelantan, kita cuba kumpul kan semula keturunan raja jembal dibawah raja sakti,raja loyor,raja kecil besar semua itu dan raja omar dan kita cuba kumpulkan semula untuk kita cuba betul kan balik sejarah ini berkongsi cerita dan kita cuba nak[hendak] buku kan cerita berdasarkan cerita daripada keturunannya sendiri,itu dalam proses la. Yang kedua kita berhajat untuk membina galeri kesultanan jembal dari bermula dri awal lagi lah terus smpai ke kota jembal tulah[itulah]

AF: Apakah barang-barang peninggalan yang telah dijumpai oleh Encik?

RS: Banyak kita dah jumpa sikit-sikit banyak yang kita jumpa dalam tempoh yang singkat ini kita dah jumpa banyak jugalah keris,cucuk sanggol kita mula cari hari tu[itu] sampai ke selatan Thai[Thailand] untuk cari dan kita dah pun ade[ada] pameran di muzium pada tahun dua ribu tiga belas(2013). Bertempat di muzium negeri , iaitu pameran kesultanan jembal

AF: Memang rapat dengan semua sanak-sedara?

RS: Kita nak cari jadi senang lah kita nak cari barang peninggalan yang ada, sebab dah tak[tidak] tahu mana pergi dah, melalui pertubuhan tadi dan kita akan

menghubungkan sillaturrahim dan bantu membantu, itu sahaja lah tak ada apa-apa pun setakat itu je. No plat sebagai satu cara kita nak kenal sedara mara kita paling tidak kita tahu itu kerabat kita.

AF: Siapakah yang membuat no plat sebagai satu tanda kerabat raja ini?Dan bagaimana hendak kenal pasti bahawa dia adalah dari keturunan raja?

RS: Ia sejak dahulu lagi dan diuruskan oleh sedara kerabat yang lain tapi sekarang saya amik[mengambil] alih cuba menguruskan semula Pertama tengok[lihat] gelaran lah gelaran dipangkal nama ada yg masih kekal kan gelaran Tengku, Raja, Tuan, Nik, Ku tapi belum tentu bukan, keduanya kita minta surat beranak untuk memastikan kisah keturunan itu betul[sahih].

AF: Selain pengorbanan apa lagi yang istimewa terhadap Puteri Saadong?

RS: Dia seorang salah seorang daripada wali lah , bermaksud mahir dalam bidang agama kekuatan dari segi agama, sejauh mana saya tak[tidak] pasti sebab saya cuba cari pun tak[tidak] dapat saya dapat nisan[cerita] dari seorang pengumpul sejarah.

LOG WAWANCARA

LOG WAWANCARA

Assalamualaikum, saya AHMAD FAKHRULLAH ADLI dan saya NURUL SYAIEDATUL AQMAL MOHD ZAKI akan memulakan rakaman temubual bersama Encik Raja Sulaiman seorang tokoh yang merupakan salah seorang pewaris keturunan Puteri Saadong.

Wawancara dibuat di rumah beliau di Kubang Kerian, Kelantan pada 6 April, 2016. Satu rakaman audio telah dibuat untuk tujuan kajian pembelajaran.

BAHAGIAN A : LATAR BELAKANG

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DUDUK
01 : 15	LATAR BELAKANG RAJA SULAIMAN	PASIR PUTEH, KELANTAN
02 : 02	PERTALIAN DENGAN PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL
02 : 53	KETURUNAN IBUBAPA RAJA SULAIMAN	PASIR PUTEH KOTA JEMBAL
03 : 20	PEKERJAAN RAJA SULAIMAN DAN HOBI	CHICHA, KUBANG KERIAN
03 : 45	TARAF PEKERJAAN RAJA SULAIMAN	KOLEJ MATRIKULASI PAHANG
03 : 55	PERPINDAHAN PEKERJAAN	KOLEJ MATRIKULASI CHANGLUNG, KEDAH
04 :20	TARAF PENDIDIKAN RAJA SULAIMAN	PASIR PUTEH

05 : 18	TEMPAT MEMBESAR RAJA SULAIMAN	PASIR PUTEH
05 : 35	PERBINCANGAN TENTANG KELUARGA RAJA SULAIMAN	CHICHA, KUBANG KERIAN
06 : 20	PERTEMUAN RAJA SULAIMAN DENGAN PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL
06 : 35	MELAWAT TEMPAT PENINGGALAN PUTERI SAADONG	BUKIT MARAK
06 : 50	TEMPAT KEDUA DAN TEMPAT MEMBESAR PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL
07 : 12	BAHAN- BAHAN RUJUKAN TENTANG SALASILAH PUTERI SAADONG	PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

BAHAGIAN B : PERJALANAN HIDUP PUTERI SAADONG

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DUDUK
00 : 12	LATAR BELAKANG PUTERI SAADONG	KESULTANAN KOTA JEMBAL
00 : 17	SIAPA PUTERI SAADONG	KESULTANAN KOTA JEMBAL
01 : 00	KETURUNAN IBUBAPA PUTERI SAADONG	KESULTANAN KOTA JEMBAL
01 : 25	KEMANGKATAN IBU ANGKAT PUTERI SAADONG	GUNUNG CITRAWANGSA, HULU KUALA KRAI
01 : 52	TEMPAT KELAHIRAN PUTERI	KOTA JEMBAL

	SAADONG	
02 : 00	TEMPAT MEMBESAR PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL
02 : 24	PUTERI SAADONG DIBAWA OLEH CHE SITI WAN KEMBANG	GUNUNG CITRAWANGSA, HULU KUALA KRAI KOTA JEMBAL
02 : 50	ADIK BERADIK PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL
03 : 30	PERKAHWINAN PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL
03 : 45	KEMAHUAN RAJA SIAM UNTUK BERKAHWIN DENGAN PUTERI SAADONG	KOTA MAHLIGAI, MELOR
04 : 16	KETURUNAN SUAMI PUTERI SAADONG	KOTA MAHLIGAI, MELOR
04 : 28	LATAR BELAKANG SUAMI PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL
04 : 56	SIAPA CUCU, CICIT PUTERI SAADONG	KOTA MAHLIGAI, MELOR
05 : 10	HOBİ PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL
05 : 40	BAHAN PINJAMAN YANG DIBERIKAN OLEH PUTERI SAADONG	BUKIT MARAK
06 : 05	PERPINDAHAN PUTERI SAADONG SELEPAS BERKAHWIN	KOTA CHERANG TEGAYUNG, TEPI SUNGAI KELANTAN KOTA JELASIN, WAKAF CHE YEH KOTA TANAH SERENDAH SEKEBUN BUNGA
06 : 50	PEPERANGAN BERLAKU ANTARA RAJA ABDULLAH DENGAN RAJA SIAM	KOTA MAHLIGAI

07 : 03	PUTERI SAADONG PERGI KE AYUTIA, THAILAND	THAILAND
07 : 22	PUTERI SAADONG PULANG DAN MEMBAWA DIRI KE BUKIT MARAK, JUGA BERSEMAYAM	BUKIT MARAK
07 : 40	PENYERAHAN TAKHTA KEPADA IPAR PUTERI SAADONG	KOTA MAHLIGAI, MELOR
07 : 52	TEMPAT-TEMPAT PENINGGALAN PUTERI SAADONG	BUKIT MARAK KOTA JEMBAL KOTA MAHLIGAI
08 : 40	PUTERI SAADONG MERELAKAN DIRI MENGIKUTI RAJA SIAM	KOTA MAHLIGAI
09 : 00	PEPERANGAN BERLAKU ANTARA RAJA SIAM DAN KESULTANAN PUTERI SAADONG	KOTA JELASIN TANAH SERENDAH SEKEBUN BUNGA
09 : 20	PUTERI SAADONG MENYELAMATKAN KERABATNYA	KOTA JELASIN TANAH SERENDAH SEKEBUN BUNGA
09 :30	PUTERI SAADONG MENYERAH DIRI PADA RAJA SIAM	KOTA JELASIN TANAH SERENDAH SEKEBUN BUNGA
10 : 00	AKTIVITI YANG DILAKUKAN OLEH PUTERI SAADONG	BUKIT MARAK
10 : 15	PERKEMBANGAN DIBAWAH PEMERINTAHAN RAJA RAHIM	KOTA MAHLIGAI
10 : 27	TEMPAT-TEMPAT PERSINGAHAN PUTERI SAADONG	KOTA JEMBAL KOTA TANAH SERENDAH SEKEBUN BUNGA KOTA JELASIN

		SIAM, AYUTIA THAILAND KOTA MAHLIGAI BUKIT MARAK GUNUNG AYAM
13 : 10	PUTERI SAADONG KE SUMATERA	INDONESIA
13 : 28	PUTERI SAADONG BERSEMAYAM	SUMATERA, INDONESIA
13 : 35	DESTINASI TERAKHIR PUTERI SAADONG	GUNUNG AYAM, DABONG JELI
14 : 03	STATUS PUTERI SAADONG	KOTA MAHLIGAI
14 : 40	CARA PUTERI SAADONG MENYESUAIKAN DIRI SEMASA BERPINDAH-RANDAH	KOTA JEMBAL KOTA TANAH SERENDAH SEKEBUN BUNGA KOTA JELASIN SIAM, AYUTIA THAILAND KOTA MAHLIGAI BUKIT MARAK GUNUNG AYAM
15 : 25	CARA PUTERI SAADONG IALAH MELALUI JALAN AIR DAN DARAT	BUKIT MARAK
16 : 06	BARANG YANG DIBAWA OLEH BAGINDA SEMASA BERPINDAH	KOTA MAHLIGAI
17 : 10	SUAMI BAGINDA MENINGGAL SEMASA PUTERI SAADONG BERADA DI SIAM	SIAM, AYUTIA THAILAND
18 : 05	HUBUNGAN PUTERI SAADONG DENGAN SUAMINYA	SIAM, AYUTIA THAILAND
18 : 30	SUAMI BAGINDA BERKAHWIN	KOTA MAHLIGAI

	LAIN	
--	------	--

BAHAGIAN C : HARAPAN

MASA	PERKARA YANG DIBINCANGKAN	NAMA/TEMPAT DUDUK
00 : 15	PEMERINTAHAN CHE SITI WAN KEMBANG	GUNUNG CITRAWANGSA
00 : 21	PEMERINTAHAN RAJA LOYOR	KOTA JEMBAL / KEDAI LALAT
00 : 44	PEREMPUAN YANG MENYATUKAN KEDUA- DUA PEMERINTAHAN	KOTA JEMBAL GUNUNG CITRAWANGSA
01 : 21	PERGOLAKAN PEMERINTAHAN TAKHTA	KOTA JEMBAL GUNUNG CITRAWANGSA
01 : 51	PERANAN WANITA	KESULTANAN RAJA JEMBAL
02 : 20	RAJA AYUTIA SAKIT (SAKIT KULIT)	SIAM, THAILAND
03 : 00	SATU CARA UNTUK MENYEMBUHKAN SAKIT ITU	SIAM, THAILAND
03 : 35	BAGINDA PUTERI SAADONG DAPAT MENCARI HELAH SUPAYA BELIAU TIDAK DIAPA-APAKAN OLEH RAJA SIAM	SIAM, THAILAND
04 : 00	RAJA SIAM BERJANJI DENGAN PUTERI SAADONG	SIAM, THAILAND
04 : 20	PUTERI SAADONG BERJAYA MENGUBATI RAJA AYUTIA	SIAM, THAILAND
05 : 11	BAGINDA RAJA ABDULLAH SUAMI PUTERI SAADONG	KOTA MAHLIGAI

	BERSETUJU MELEPASKAN MENGIKUTI RAJA AYUTIA	
05 : 33	RAJA SIAM MENGHANTAR HULU BALANGNYA UNTUK MENGAMBIL PUTERI SAADONG	KOTA MAHLIGAI
05 : 44	RAJA SIAM MENGETAHUI KECANTIKKAN PUTERI SAADONG MELALUI PENGEMBARAAN PERDAGANGAN	KOTA JEMBAL
06 : 36	SUMBANGAN PUTERI SAADONG KEPADA NEGERI KELANTAN	KOTA JEMBAL
07 : 46	HARAPAN RAJA SULAIMAN	CHICHA, KUBANG KERIAN
08 : 00	UNTUK DIJADIKAN SEBAGAI PENGAJARAN KEPADA GENERASI	CHICHA, KUBANG KERIAN
08 : 32	PERANAN WANITA DALAM SESEBUAH NEGARA	CHICHA, KUBANG KERIAN
09 : 10	RANCANGAN RAJA SULAIMAN (PERTUBUHAN KESULTANAN RAJA JEMBAL)	CHICHA, KUBANG KERIAN
10 : 00	MEMBINA GALERI UNTUK KESULTANAN JEMBAL	CHICHA, KUBANG KERIAN
10 : 30	PENCARIAN BARANG-BARANG PENINGGALAN BAGINDA DAN KERABAT-KERABAT	PERLIS SELATAN THAI
11 : 16	CARA RAJA SULAIMAN MENGUMPULKAN SEMUA KETURUNAN RAJA JEMBAL	CHICHA, KUBANG KERIAN PERTUBUHAN KESULTANAN RAJA JEMBAL
12 : 12	DENGAN MENGGUNAKAN LAMBANG DI NO PLAT KERETA	SELURUH NEGERI

13 : 18	KERABAT MEMBUANG NAMA GELARAN	KESULTANAN RAJA JEMBAL
15 : 05	KEISTIMEWAAN PUTERI SAADONG	KEKUATAN PENGETAHUAN DALAM ILMU AGAMA
17 : 00	MINAT RAJA SULAIMAN DALAM MENDALAMI KEHIDUPAN KESULTANAN RAJA JEMBAL	CHICHA, KUBANG KERIAN
18 : 00	SEMPADAN MELAYU SAMPING KE SEGENTING KERA	THAILAND
21 : 00	LALUAN PEDAGANG	SUNGAI KEMASIN PANGKALAN DATU
21 : 38	KEHILANGAN TANAH MELAYU IAITU EMPAT WILAYAH	PATTANI NARATHIWAT SEGENTING KERA
22 : 00	INGGERIS MEMBUAT PERJANJIAN SULIT (PERJANJIAN BANGKOK 1909)	THAILAND
22 : 25	INGGERIS MENYERAHKAN SEMPADAN SUNGAI GOLOK KE SEGENTING KERA	THAILAND
22 : 50	KEHILANGAN WILAYAH DI PERAK (KERAJAAN REMAN)	PERAK

DIARI KAJIAN

MASA	TARIKH	TINDAKAN	CATATAN
02.00pm- 03.00pm	14 November 2015	Menghubungi tokoh untuk mendapatkan kebenaran untuk mengadakan temuramah.	Tokoh bersetuju untuk ditemuramah tetapi tarikh belum ditetapkan.
04.00pm- 05.00pm	15 November 2015	Bertanya kepada pensyarah untuk mendapatkan kebenaran untuk menemuramah yang dipilih dan kebenaran telah diberi.	Bertanya menggunakan aplikasi telefon pintar, WhatsApp.
09.00pm- 01.00am	19 November 2015	Menyediakan soalan yang akan ditanya kepada tokoh.	Soalan yang disediakan adalah sebanyak 85 soalan.
11.00am- 12.00am	22 November 2015	Menghubungi tokoh untuk mendapatkan alamat yang lebih tepat kerana alamat yang diambil dari laman internet tidak disediakan secara terperinci.	Rumah tokoh adalah agak pedalaman dan sukar dicari.
04.00pm- 05.00pm	22 November 2015	Menghubungi tokoh untuk menetapkan tarikh yang sesuai untuk mengadakan sesi temuramah bersama beliau.	Tarikh yang dipersetujui ialah pada 27 November.

06.00pm- 07.00pm	27 November 2015	Senarai soalan disemak untuk kali terakhir sebelum dicetak. Beberapa perubahan dalam soalan telah dibuat.	Senarai soalan telah dicetak selepas perubahan siap dilakukan pada hari tersebut.
02.00pm- 03pm	27 November 2015	Tokoh telah menghubungi penemuramah untuk menyatakan bahawa sesi temuramah terpaksa dibatalkan kerana ada urusan yang tidak dapat dielakkan.	Tarikh sesi temuramah telah diubah kepada tarikh yang berikutnya iaitu pada 29 November 2015.
05.00pm- 06.00pm	28 November 2015	Menghubungi tokoh untuk mengingatkan beliau tentang sesi temuramah yang akan diadakan pada keesokan harinya.	Tokoh menyatakan yang beliau boleh meneruskan rancangan untuk mengadakan sesi temuramah pada keesokan harinya.
03.00pm- 04.00pm	29 November 2015	Pergi ke kampung tempat tinggal tokoh untuk mencari rumah beliau.	Proses mencari rumah tokoh telah mengambil sedikit masa kerana rumah beliau berada di pedalaman.
04.00pm- 06.00pm	29 November 2015	Sesi temuramah telah dijalankan tanpa sebarang halangan.	Tokoh ialah seorang yang sangat mesra dan peramah.

SENARAI SOALAN

LATAR BELAKANG RAJA SULAIMAN

1. Apakah nama sebenar Raja Sulaiman?
2. Apakah nama pena Raja Sulaiman?
3. Berapakah umur Raja Sulaiman?
4. Mengapakah Raja Sulaiman diberi nama pena sedemikian?
5. Apakah pekerjaan Raja Sulaiman?
6. Apakah taraf pendidikan Raja Sulaiman?
7. Bilakah tarikh kelahiran Raja Sulaiman?
8. Apakah keturunan ibubapa Raja Sulaiman?
9. Siapakah ibu angkat Raja Sulaiman?
10. Raja Sulaiman berada dalam kesultanan Raja mana?
11. Dimanakah tempat kelahiran Raja Sulaiman?
12. Dimanakah Raja Sulaiman dibesarkan?
13. Dimanakah Raja Sulaiman menetap?
14. Raja Sulaiman mentap dengan siapa?
15. Berapakah bilangan adik-beradik Raja Sulaiman?
16. Raja Sulaiman anak yang ke berapa?
17. Siapakah nama ibu Raja Sulaiman?
18. Adakah Raja Sulaiman sudah berkahwin?
19. Siapakah nama isteri Raja Sulaiman?
20. Isteri Raja Sulaiman berasal dari mana?
21. Apakah pekerjaan suami Raja Sulaiman?
22. Adakah suami Raja Sulaiman berasal dari keturunan raja?
23. Adakah Raja Sulaiman mempunyai anak/cucu/cicit?
24. Berapakah bilangan anak/cucu/cicit/ Raja Sulaiman?
25. Siapakah bapa Raja Sulaiman?
26. Apakah minat Raja Sulaiman?
27. Adakah anak-anak Raja Sulaiman sudah berkahwin?

28. Adakah Raja Sulaiman pernah bersua muka dengan puteri saadong?
29. Apakah hubungan Raja Sulaiman dengan puteri saadong?
30. Adakah Raja Sulaiman pernah melawat tempat peninggalan Puteri Saadong?
31. Adakah Raja Sulaiman mempunyai bahan-bajhan rujukan?
32. Darimanakah dapatnya bahan-bahan tersebut?

LATAR BELAKANG PUTERI SAADONG

33. Apakah nama sebenar Puteri Saadong?
34. Apakah nama pena Puteri Saadong?
35. Mengapakah Puteri Saadong diberi nama pena sedemikian?
36. Bilakah tarikh kelahiran Puteri Saadong?
37. Apakah keturunan ibubapa Puteri Saadong?
38. Siapakah ibu angkat Puteri Saadong?
39. Puteri Saadong berada dalam kesultanan Raja mana?
40. Dimanakah tempat kelahiran Puteri Saadong?
41. Dimanakah Puteri Saadong dibesarkan?
42. Dimanakah Puteri Saadong menetap?
43. Puteri Saadong mentap dengan siapa?
44. Berapakah bilangan adik-beradik Puteri Saadong?
45. Puteri Saadong anak yang ke berapa?
46. Siapakah nama ibu Puteri Saadong?
47. Adakah Puteri Saadong sudah berkahwin?
48. Siapakah nama suami Puteri Saadong?
49. Suami Puteri Saadong berasal dari mana?
50. Apakah pekerjaan suami Puteri Saadong?
51. Adakah suami Puteri Saadong berasal dari keturunan raja?

52. Adakah Puteri Saadong mempunyai anak/cucu/cicit?
53. Berapakah bilangan anak/cucu/cicit/ Puteri Saadong?
54. Siapakah bapa Puteri Saadong?
55. Apakah minat Puteri Saadong?
56. Apakah bahan yang menjadi pinjaman untuk orang kampung?
57. Apakah yang menyebabkan Puteri Saadong membawa diri?
58. Dimanakah tempat-tempat peninggalannya yang masih diketahui dan dilawati oleh orang ramai?
59. Apa kaitan Puteri Saadong dengan Kota Mahligai?
60. Kenapa Puteri Saadong sanggup mengikuti Raja Siam?
61. Bagaimana Puteri Saadong sampai Bukit Marak?
62. Apa yang Puteri Saadong lakukan di Bukit Marak?
63. Apakah gambaran bagi Puteri Saadong?beliau merupakan?

PERJALANAN HIDUP

64. Dimanakah tempat tinggal Puteri Saadong?
65. Puteri Saadong menetap dengan siapa sebelum berkahwin?
66. Apakah minat Puteri Saadong ketika masa lapang?
67. Berapakah tempat persinggahan Puteri Saadong?
68. Mengapakah Puteri Saadong berpindah-randah?
69. Negeri manakah yang menjadi destinasi terakhir Puteri Saadong sebelum bersemayam?
70. Siapakah yang menjadi suami Puteri Saadong?
71. Mengapakah Puteri Saadong mahu mengikuti Raja Siam ke Pattani?
72. Apakah sumbangan yang dilakukan Puteri Saadong semasa berada di Bukit Marak?
73. Apakah status Puteri Saadong semasa berada di Kota Mahligai?
74. Apakah yang ditinggalkan oleh Puteri Saadong semasa menetap di Bukit Marak?
75. Bagaimanakah cara Puteri Saadong menyesuaikan diri dengan orang kampung semasa berpindah-randah?

76. Apakah yang dibawa oleh Puteri Saadong semasa berpindah-randah?
77. Siapakah yang menjadi orang kepercayaan Puteri Saadong semasa berada di Kota Mahligai?
78. Puteri Saadong tinggal dengan siapa semasa menghilangkan diri dari Kota Mahligai?
79. Dimanakah Puteri Saadong bersembunyi selepas pulang dari Siam?
80. Mengapakah Puteri Saadong menghilangkan diri?
81. Bagaimanakah cara Puteri Saadong membawa diri?
82. Apakah alasan yang diberikan kepada suaminya semasa ingin membawa diri?
83. Apakah bekalan yang akan dibawa oleh Puteri Saadong semasa membawa diri?
84. Apakah hubungan Puteri Saadong dengan suami selepas Puteri Saadong memenuhi kehendak Raja Siam?
85. Apakah bantuan Puteri Saadong kepada Raja Siam?

PERNGORBANAN

86. Apakah yang terjadi antara Puteri Saadong dengan Raja Siam?
87. Mengapakah Raja Siam menginginkan Puteri Saadong?
88. Mengapakah Puteri Saadong setuju untuk mengikuti Raja Siam?
89. Apakah status Puteri Saadong semasa tinggal di Pattani?
90. Apakah tindakan suami Puteri Saadong?
91. Apakah yang terjadi kepada Puteri Saadong ketika mengikuti Raja Siam?
92. Apakah perjanjian Puteri Saadong dengan Raja Siam?
93. Bagaimanakah Raja Siam datang ke Kelantan?
94. Apakah sumbangan yang telah Puteri Saadong beri pada negeri Kelantan?
95. Apakah yang berlaku semasa di Pattani yang mengakibatkan Raja Siam melepaskan Puteri Saadong?

HARAPAN /PENDAPAT/IMPIAN

96. Apakah harapan Raja Sulaiman terhadap cerita legenda negeri?
97. Apakah rancangan Raja Sulaiman pada masa akan datang?

98. Adakah Raja Sulaiman telah mengetahui semua saudara mara yang mempunyai pertalian darah dengan Puteri Saadong?
99. Apakah cara untuk merapatkan semula ikatan persaudaraan kerabat raja?
100. Apakah usaha yang telah dilakukan?

SURAT PERJANJIAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Machang, Kelantan

PERJANJIAN MENGENAI SEJARAH LISAN

Syarat-syarat mengenai wawancara yang telah diadakan antara Universiti Teknologi MARA dengan Pada.....

1. Pita rakaman hasil wawancara yang tersebut di atas adalah diserahkan kepada Universiti Teknologi MARA untuk disimpan buat selama-lamanya.
2. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA akan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk memelihara pita rakaman ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip pita rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh pengkisah (interviewee).
4. Pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negeri yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah tanpa syarat-syarat / dengan syarat: -
Apabila petikan diambil dari pita rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll. sumbernya hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.
5. Adalah dipersetujui bahawa pita rakaman/transkrip ini akan dibuka kepada penyelidik-penyelidik dalam dan luar negeri mulai dari (tarikh) dan tidak boleh dikeluarkan dalam sebarang media sosial atau tujuan penkomersilan. Dipersetujui pada oleh kedua pihak yang berkenaan.

.....
(Encik Raja Sulaiman)

.....
Dr. Mohd Nasir Bin Ismail,
Ketua Pusat Pengajian,
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Kelantan.

LAMPIRAN

LAMPIRAN



Gambar 1: Pertemuan kali pertama



Gambar 2: Hari Temubual



Gambar 3: Penyampaian Plug pada Raja Sulaiman

INDEKS

INDEKS

A

Ayutia

4,10,22,25,27,29,35,45,46,47,48,64

B

Bukit Marak

11,18,24,25,28,29,44,45,46,47,57,64

C

Changlung 43,64

Chicha 10,43,44,49,50,64

G

Gunung Ayam 11,30,31,47,64

Gunung Citrawangsa 20,21,44,45,48,64

Gunung Stong 32,64

H

Hulu Kuala Krai 44,45,64

K

Kedah

8,10,11,13,14,16,20,23,24,32,37,39,43,45,
49,58,59,64

Kesultanan Kota Jembal 44,64

Kolej Matrikulasi 15,16,43,64

Kota Jelasin 24,259,45,46,47,64

Kota Jembal

18,20,21,26,29,6,39,43,44,45,46,47,48,49,
64

Kota Mahligai

11,26,29,45,46,47,48,49,57,64

Kota Tanah Serendah 25,45,46,47,64

Kubang Kerian 8,10,13,16,43,44,49,50,64

N

Narathiwat 50,64

P

Pahang 15,43,64

Pasir Puteh 8,14,16,43,44,64

Pattani 37,50,57,58,64

Perak 50,64

Perlis 49,64

Perpustakaan 44,64

S

Segenting Kera 50,65

Sekebun Bunga 25,27,29,45,46,47,65

Selatan Thai 39,49,65

Siam

4,10,11,22,24,27,28,29,32,34,35,3,37,38,

45,46,47,48,49,57,58,65

Sungai Kelantan 24,45,65

T

Thailand 4,11,39,45,46,47,48,50,65

W

Wakaf Che Yeh 25,45,65